



# UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111  
☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my  
✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI  
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8 JLD.5 (6)  
Tarikh : 02 April 2023  
Bersamaan : 11 Ramadhan 1444H

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Malaysia Terengganu**

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

## PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2023

### **KADAR YURAN PELAJARAN DAN YURAN TESIS BAGI PROGRAM PENGAJIAN PASCASISWAZAH (PENYELIDIKAN) UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

#### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kadar yuran pelajaran dan yuran tesis bagi program pengajian pascasiswazah (penyelidikan) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

#### **2. LATAR BELAKANG**

2.1 Kadar sedia ada bagi yuran pelajaran dan yuran tesis program pengajian pascasiswazah (penyelidikan) adalah kadar yang telah diluluskan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) iaitu:



OfficialUMT



- a. Yuran Pelajar-Mesyuarat JKTK Kali Ke-14 dan dikuatkuasakan pada tahun 2004; dan
  - b. Yuran Tesis-Mesyuarat JKTK Kali Ke-2 dan dikuatkuasakan pada tahun 2002.
- 2.2 Satu bengkel semakan yuran pengajian pascasiswazah UMT telah diadakan pada 26 Oktober 2020 dan disertai oleh semua Timbalan Dekan dan Ketua Bidang Fakulti untuk meneliti semula kadar yuran ini.
- 2.3 Justifikasi kenaikan kadar yuran pelajaran dan tesis adalah:
- a. Ianya tidak lagi relevan dengan kadar semasa yang ditetapkan oleh universiti awam lain; dan
  - b. Kadar yuran adalah rendah dan tidak memadai dengan kos/perbelanjaan berkaitan.
- 2.4 Kadar baharu yuran pelajaran dan yuran tesis bagi bagi program pengajian pascasiswazah (penyelidikan) di UMT ini telah mendapat perakuan dan kelulusan jawatankuasa berikut:
- a. Mesyuarat Jawatankuasa Yuran Kali ke-25 Bil. 2 Tahun 2021 pada 15 Julai 2021;
  - b. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-53 (Bil. 3 Tahun 2021) pada 27 Julai 2021; dan
  - c. Mesyuarat Jawatankuasa Yuran Kali ke-32 Bil. 5 Tahun 2022 pada 21 Disember 2022.

**3. YURAN PELAJARAN DAN YURAN TESIS PROGRAM PENGAJIAN PASCASISWAZAH (PENYELIDIKAN) UMT**

Kadar yuran pelajaran dan yuran tesis bagi program pengajian pascasiswazah (penyelidikan) di UMT adalah seperti berikut:.

a. Pelajar tempatan

Jenis Yuran	Kategori	Kadar Baharu, RM	
		Sarjana	Doktor Falsafah
Yuran Pelajaran	Sains	1,500	1,500
	Sains Sosial	1,000	1,000
Yuran Peperiksaan Tesis	Sains	1,000	1,500
	Sains Sosial	1,000	1,500

*Jadual 1: Kadar yuran pelajaran dan yuran tesis program pascasiswazah (penyelidikan) bagi pelajar tempatan*

b. Pelajar antarabangsa

Jenis Yuran	Kategori	Kadar Baharu, USD	
		Sarjana	Doktor Falsafah
Yuran Pelajaran	Sains	340	340
	Sains Sosial	230	230
Yuran Peperiksaan Tesis	Sains	230	340
	Sains Sosial	230	340

*Jadual 2: Kadar yuran pelajaran dan yuran tesis program pascasiswazah (penyelidikan) bagi pelajar antarabangsa*

#### 4. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya seperti berikut:

- a. **Yuran pelajaran:** pelajar baharu bermula kemasukan 2023/2024-I; dan
- b. **Yuran tesis:** semua pelajar yang membuat serahan tesis bermula sesi 2023/2024-I.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**AZIZAH BINTI HASAN**

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail